



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai
dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**TUKANG PATERI / TUKANG BESI (E.1-2-3 EB.4)
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**TUKANG PATERI / TUKANG BESI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 EB KHAS \$895 - \$975 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

ATAU

- b) *BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3) / BDTVEC National Vocational Certificate (NVC)* atau sebanding dalam bidang *Welding and Fabrication / Automotif* atau bidang yang bersesuaian.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Berpengetahuan dalam kerja-kerja baik-pulih kerosakan peralatan besi dalam kenderaan mahupun mengimpal apa-apa peralatan besi.
3. Mempunyai pengalaman serta berkebolehan dalam kerja-kerja mengendalikan pumbaikan badan kenderaan (*body work*).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjalankan tugas megikut arahan dari Ketua Bahagian bagi melaksanakan tatacara serta prosedur pumbaikan dan pengimpalan yang meliputi;
 - a) Mengendalikan kerja-kerja pengimpalan serta pumbaikan badan kenderaan;



- b) Mematuhi peraturan kerja yang meliputi hal-hal keselamatan dan kesihatan;
- c) Memastikan perkakas serta pekakas keselamatan di dalam seksyen dalam keadaan baik dan boleh digunakan; dan
- d) Memberi bantuan khidmat kepada semua seksyen di Bolkiah Workshop.